

PAIN

LIHAT MASALAH DENGAN MENGENALPASTI PELUANG-PELUANG BAHARU



P

Passion

Apa yang memberi semangat/inspirasi?

Elemen ini berkaitan dengan minat dan semangat yang menggerakkan individu/pasukan sehingga teruja dan berusaha mencapai objektif dan matlamat yang ditetapkan.

A

Audience

Siapa yang terlibat?

Elemen ini merujuk kepada kumpulan sasaran atau komuniti yang mempunyai minat yang sama dan berupaya berkongsi nilai atau tujuan yang serupa.

I

Issues

Apa masalah dan tahap masalah yang hadapi?

Elemen ini fokus pada cabaran atau kesulitan yang dihadapi oleh kumpulan sasaran dalam mencapai tujuan atau yang menghalang mereka daripada berdaya maju dan berdaya saing.

N

Niche

Apa kemahiran, pengetahuan dan kepakaran diperlukan dalam menyelesaikan masalah?

Elemen ini merujuk kemahiran, pengetahuan, dan kepakaran dalam memberikan penyelesaian kepada masalah yang dihadapi dengan menggerakkan elemen kreativiti, inovasi dan idea konstruktif secara tambah nilai unik dan berkesan.

P

Passion

Kenal pasti apa yang benar-benar memberi semangat kepada ahli pasukan dalam organisasi. Ini boleh dilakukan melalui sesi perbincangan, tinjauan, atau penilaian individu.

Contoh: Dalam sebuah pasukan ICT, minat mungkin terletak pada inovasi teknologi, automasi proses, atau pembangunan aplikasi yang memperbaiki produktiviti.

A

Audience

Tentukan siapa kumpulan sasaran atau pemegang kepentingan dalam organisasi yang berkongsi minat atau akan mendapat manfaat daripada minat tersebut. Ini boleh merangkumi pasukan dalaman, pelanggan, atau rakan kongsi.

Contoh: Dalam konteks pengurusan projek ICT, kumpulan sasaran mungkin terdiri daripada pengguna akhir, jabatan lain dalam organisasi, atau pelanggan luar yang akan menggunakan sistem tersebut.

I

Issues

Analisis masalah yang dihadapi oleh kumpulan sasaran yang mungkin menghalang mereka daripada mencapai matlamat. Ini boleh dilakukan melalui kajian kes, maklum balas pengguna, atau sesi *brainstorming*.

Contoh: Masalah yang dihadapi mungkin melibatkan ketidakcekapan dalam proses kerja, kesukaran dalam mengadaptasi teknologi baru, atau kekurangan sumber daya dalam melaksanakan projek.

N

Niche

Cari di mana kemahiran, keahlian, atau sumber daya organisasi yang mampu memberi penyelesaian kepada masalah tersebut. Ini mungkin melibatkan pengembangan produk baharu, perkhidmatan yang lebih baik, atau pendekatan yang lebih efektif dalam penyelesaian masalah.

Contoh: Jika organisasi anda mempunyai kepakaran dalam automasi, *niche* anda mungkin dalam membangunkan sistem automasi yang membantu menyelesaikan masalah ketidakcekapan dalam proses kerja.

